

Kilang gajikan pekerja warga asing tak berdokumen diserbu

Kulai: Seramai 117 warga asing yang bekerja di sebuah kilang peralatan perubatan sekitar kawasan Senai di sini, ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor atas pelbagai kesalahan.

Pengarah Imigresen Johor Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, Ops Mahir yang dilancarkan pada jam 7 pagi Jumaat lalu bertujuan membanteras lambakan pekerja asing tidak berdokumen.

Beliau berkata, serbuan dibuat hasil pemantauan intensif selama beberapa minggu, susulan maklumat mengenai kegiatan majikan yang dipercayai menggajikan warga asing secara tidak sah bagi mengelak kos lebih tinggi.

"Serbuan dibuat berjaya membongkar penggunaan besar-besaran pekerja asing tanpa pas yang sah, apabila seramai 117 warga asing ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

"Mereka terdiri daripada 47 lelaki warga Myanmar, lima lelaki warga Bangla-

desh dan 65 wanita warga Myanmar berusia dalam antara 19 hingga 52 tahun.

"Mereka dipercayai bekerja tanpa kebenaran, gagal mengemukakan dokumen sah serta melanggar peruntukan Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963," katanya menerusi satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, seorang warga tempatan yang juga pegawai sumber manusia kilang turut ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, semua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Mohd Rusdi berkata, JIM Johor akan terus mempergiatkan dan meluaskan operasi penguatkuasaan di seluruh negeri.

"Mana-mana pihak yang cuba mencabar undang-undang Imigresen negara akan berhadapan tindakan tanpa kompromi, selaras dengan komitmen kerajaan dalam menjaga keselamatan, ketenteraman awam dan kedaulatan negara," katanya.



SEBUAH kilang peralatan perubatan sekitar kawasan Senai di Kulai diserbu JIM Johor, Jumaat lalu.